

MODUL KERJA INISIATIF PdPR

Oleh Fatimah Azzahrah, 1180364

KOTA KUALA MUDA: Modul kerja antara inisiatif yang digunakan oleh pihak sekolah dalam proses pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) ekoran Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) sejak November yang lalu.

Guru Bahasa Melayu Sekolah Kebangsaan Haji Sulaiman (SKHS), Alimah Abdul Hamid berkata, pihak sekolah beranggapan bahawa modul kerja yang diberikan kepada pelajar merupakan inisiatif yang terbaik bagi proses PdPR agar pelajar dapat mengikuti kelas seperti biasa sehingga tamat sesi persekolahan tahun 2020.

Ini berikutan, ada segelintir pelajar yang tidak berupaya mengadaptasikan proses PdPR dengan baik serta kurang memberi tumpuan jika pembelajaran atas talian dilaksanakan.



Salmi Razali (kanan) memberi modul kerja kepada pelajar dan waris yang datang mengambilnya di sekolah

“Pihak sekolah menyediakan modul yang telah disusun mengikut rancangan tahunan bagi setiap pelajar bersesuaian dengan tajuk dan kebolehan murid,” ujarnya pada sesi temu bual baru-baru ini.

Sementara itu, Ahmad Ikhwan, 11, pelajar skhs berkata dia lebih gemar mengerjakan modul yang diberikan oleh gurunya bagi setiap subjek berbanding mengikuti kelas atas talian kerana lebih mudah dan tidak memerlukan penggunaan internet yang banyak.



Ikhwan (kiri) bersama adik-adiknya menyiapkan modul kerja yang diberikan

“Saya akan menyiapkan modul kerja bersama adik-adik serta dibantu oleh ibu bapa sebelum menghantar tugas tersebut melalui aplikasi Whatsapp mengikut tarikh yang telah ditetapkan,” ujar pelajar itu.

Usaha ini diambil bagi memastikan para pelajar dapat menguasai silibus pelajaran dengan baik dan tidak ketinggalan dalam pelajaran meskipun berada dalam tempoh PKPB.

Modul kerja akan diberikan kepada pelajar mengikut fasa-fasa yang tertentu bagi memudahkan guru menyemak dan membimbing pelajar untuk menyiapkan modul kerja tersebut.

